3 - 2004_6 pt_2.fm Page 67 Monday, August 9, 2004 3:13 PM

Hj Sharkhan bin Abd Rahman v Kaf-Seagroatt & Campbell Securities Sdn Bhd

MAHKAMAH TINGGI (KOTA BHARU) — GUAMAN SIVIL NO 22–42 TAHUN 2002

SULAIMAN DAUD H

4 OKTOBER 2003

Acara Sivil — Pemindahan tindakan — Dari satu Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Tinggi lain — Defendan memohon supaya prosiding dipindahkan dari Mahkamah Tinggi Kota Bharu ke Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur — Fakta-fakta kes berlaku di Kuala Lumpur — Defendan mempunyai tempat perniagaan di Kuala Lumpur — Sama ada mahkamah mempunyai bidang kuasa untuk membuat perintah itu — Sama ada Kuala Lumpur adalah forum yang sesuai

Defendan telah memohon untuk suatu perintah bahawa keseluruhan prosiding dalam guaman ini dipindahkan dari Mahkamah Tinggi Malaya di Kota Bharu ke Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur di bawah perenggan 12 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('Akta itu') dan A 92 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT'). Defendan menghujah di dalam afidavitnya bahawa kausa tindakan itu berlaku di Kuala Lumpur, perjanjian itu ditandatangani dan kemungkiran itu juga berlaku di Kuala Lumpur, fakta yang berkenaan juga berlaku di Kuala Lumpur dan defendan mempunyai tempat perniagaan di Kuala Lumpur. Peguam plaintiff membangkitkan isu sama ada mahkamah ini mempunyai bidangkuasa untuk membuat perintah yang dipohon defendan dan menghujahkan bahawa kuasa di bawah perenggan 12 Jadual kepada Akta itu tertakluk kepada kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah dan oleh kerana pemansuhan A 92 k 3A KMT, mahkamah ini tidak berupaya menjalankan kuasa yang diberikan. Beliau merujuk kepada *Malacca Securities Sdn Bhd v Loke Yu* [1999] 6 MLJ 112 yang berkata bahawa kuasa di bawah perenggan 12 Jadual kepada Akta itu tidak boleh dijalankan tanpa wujudnya keadah-kaedah di dalam proviso kepada perenggan itu. Peguam defendan berkata bahawa walaupun Mahkamah Tinggi Kota Bharu mempunyai bidangkuasa ke atas tindakan ini, ia tertakluk kepada s 23(1)(a), (b) dan (c) Akta itu dan Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur adalah forum yang sesuai (mahkamah dirujuk kepada *Sova Sdn Bhd v Kasih Sayang Realty Sdn Bhd* [1988] 2 MLJ 268 dan *Dayasar Corp Sdn Bhd v CP Ng & Co Sdn Bhd* [1990] 1 MLJ 191).

Diputuskan, menolak permohonan defendan dengan kos:

(1) Proviso yang dirujuk oleh peguam defendan hanya memperkatakan bahawa kuasa-kuasa sedemikian hendaklah dijalankan mengikut prosedur yang boleh atau mungkin ditetapkan melalui kaedah mahkamah. Ini tidak bermakna penetapan kaedah sedemikian adalah suatu syarat duluan bagi perlaksanaannya. Permohonan ini yang dibuat sebagai suatu permohonan interlokutori melalui saman dalam kamar di bawah peruntukan KMT adalah suatu pematuhan kepada kaedah mahkamah sebagaimana yang ditetapkan dalam proviso tersebut (lihat perenggan 7).

3 - 2004_6 pt_2.fm Page 68 Monday, August 9, 2004 3:13 PM

(2) Peguam defendan terkeliru dengan tujuan dan maksud s 23. Adalah jelas bahawa s 23 tersebut bertujuan menetapkan bidangkuasa wilayah di antara dua Mahkamah Tinggi yang wujud di negara ini, iaitu Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dan Mahkamah Tinggi Malaya (*Sova Sdn Bhd v Kasih Sayang Realty Sdn Bhd*). Oleh itu alasan-alasan bagi penentuan bidangkuasa di bawah seksyen tersebut tidak relevan dalam menentukan Mahkamah Tinggi Malaya di tempat mana yang lebih sesuai mendengar sesuatu tindakan tersebut (lihat perenggan 12).

(3) Setelah meneliti keputusan kedua-dua kes (*Sova Sdn Bhd v Kasih Sayang Realty Sdn Bhd* dan *Dayasar Corp Sdn Bhd v CP Ng & Co Sdn Bhd*) mahkamah masih ragu-ragu sama ada 'proper or convenient forum' atau 'the point of convenience' yang dinyatakan dalam kedua-dua kes itu masing-masing merujuk kepada doktrin '*forum non conveniens*' yang diasakan dalam kes *Spiliada Maritime Corp v Consulex Ltd (The Spiliada)* [1986] 3 All ER 843 yang telah dirujuk dan diterima-pakai oleh Mahkamah Agung dalam *American Express Bank Ltd v Mohamed Toufic Al-Ozier & Anor* [1995] 1 MLJ 160 (lihat perenggan 15).

(4) Memandangkan bahawa kedua-dua kes di atas menggunakan unsur 'convenience' dalam menentukan mahkamah yang sesuai, maka ternyata bahawa ia bercanggah dengan prinsip *forum non conveniens* yang disebut dan dirujuk dalam kes *American Express Bank Ltd* (lihat perenggan 16).

(5) Adalah diperhatikan bahawa pandangan di dalam kes *Spiliada* juga meliputi dua mahkamah yang mempunyai bidangkuasa yang serupa. Di dalam kes sekarang ini plaintif sepatutnya dibenarkan memilih forum yang sesuai baginya untuk memulakan tindakan ini. Fakta bahawa kausa tindakan ini terbit di Kuala Lumpur atau defendan mempunyai tempat perniagaan di Kuala Lumpur tidak sepatutnya dijadikan ukuran utama bagi menentukan mahkamah mana yang lebih sesuai bagi mendengar kes ini. Walaupun faktor-faktor sedemikian dijadikan asas di bawah s 23(1) Akta itu tetapi sebagaimana yang dinyatakan terdahulu ia hanya relevan dalam menentukan bidangkuasa yang berbeza di antara dua Mahkamah Tinggi yang wujud di negara ini (lihat perenggan 18).

(6) Perkara-perkara lain yang sepatutnya diberi pertimbangan adalah kedudukan dan keupayaan pihak-pihak untuk meneruskan sesuatu prosiding di tempat yang telah dipilih. Dalam hal ini ternyata bahawa defendan adalah suatu firma broker saham yang teguh dan berdaftar di BSKL berbanding dengan plaintif yang merupakan orang perseorangan yang semestinya kurang berkemampuan dibandingkan dengan defendan. Daripada fakta kes ini defendan juga tidak memerlukan saksi yang ramai hingga boleh membebankannya dari segi kewangan jika tindakan ini diteruskan di Mahkamah Tinggi Kota Bharu. Mahkamah tidak nampak wujudnya hal keadaan yang begitu memihak kepada defendan bagi mahkamah ini menggangu forum yang telah dipilih oleh plaintif (lihat perenggan 19).

[**English summary**

The defendant applied for an order that the whole of the proceedings in this suit be transferred from the High Court of Malaya in Kota Bharu to the

3 - 2004_6 pt_2.fm Page 69 Monday, August 9, 2004 3:13 PM

High Court of Malaya in Kuala Lumpur under para 12 of the Schedule to the Courts of Judicature Act 1964 ('the Act') and O 92 r 4 of the Rules of the High Court 1980 ('RHC'). The defendant stated in his affidavit that the cause of the action happened in Kuala Lumpur, the contract was signed in and the breach occurred in Kuala Lumpur, the facts of the action also happened in Kuala Lumpur and the defendant has his place of business in Kuala Lumpur. The plaintiff's counsel raised the issue whether this court had the jurisdiction to make the order as applied for by the defendant and stated that the power under para 12 of the Schedule to the Act was governed by the rules determined by the rules of court and because of the repeal of O 92 r 3A RHC, this court could not exercise the power given. He also referred to *Malacca Securities Sdn Bhd v Loke Yu* [1999] 6 MLJ 112 which stated that the power under para 12 of the Schedule of the Act could not be exercised without the rules in the proviso to the paragraph. The defendant's counsel stated that although the High Court at Kota Bharu had the jurisdiction over the action, it was governed by s 23(1)(a), (b) and (c) of the Act and the High Court at Kuala Lumpur was the proper forum (the court was referred to *Sova Sdn Bhd v Kasih Sayang Realty Sdn Bhd* [1998] 2 MLJ 268 and *Dayasar Corp Sdn Bhd v CP Ng & Co Sdn Bhd* [1990] 1 MLJ 191).

Held, dismissing the defendant's application with costs:

(1) The proviso referred to by the defendant's counsel only stated that the powers had to be exercised according to procedure that could be or may be determined by the rules of court. This did not mean that the determination of such rules are a pre requisite of the exercise of the powers. The application that was made as an interlocutory application by summons in chambers under the requirements of the RHC was a compliance of the rules of the court as determined in the proviso (see para 7).

(2) The defendant's counsel was confused about the purpose and meaning of s 23. It is clear that s 23 determines the territorial jurisdiction between two High Courts in this country, ie the High Court at Sabah and Sarawak and the High Court at Malaya (Sova Sdn Bhd v Kasih Sayang Realty Sdn Bhd). Thus the reasons given for the determination of the jurisdiction under the section were irrelevant in determining which High Court of Malaya was more appropriate to hear an action (see para 12).

(3) After a perusal of the decisions in both cases (*Sova Sdn Bhd v Kasih Sayang Realty Sdn Bhd* and *Dayasar Corp Sdn Bhd v CP Ng & Co Sdn Bhd*) the court was still doubtful whether the 'proper or convenient forum' or 'the point of convenience' stated in the two cases referred to 'forum non conveniens' stated in *Spiliada Maritime Corp v Consulex Ltd (The Spiliada)* [1986] 2 All ER 843 that was referred to and applied by the Supreme Court in *American Express Bank Ltd v Mohamed Toufic Al-Ozier & Anor* [1995] 1 MLJ 160 (see para 15).

(4) Since the two cases used the element of 'convenience' in determining the appropriate court, it conflicts with the principle of forum non conveniens stated and referred to in *American Express Bank Ltd* (see para 16).

3 - 2004_6 pt_2.fm Page 70 Monday, August 9, 2004 3:13 PM

(5) It is to be observed that the view in the *Spiliada* also covers two courts which have a similar jurisdiction. In this case the plaintiff should be allowed to choose a forum proper for him to initiate this action. The fact that the action started in Kuala Lumpur or that the defendant has his place of business in Kuala Lumpur should not be the yardstick to determine the proper court to hear the case. Although these factors are the basis under s 23(1) of the Act, but as stated earlier they are only relevant in determining the different jurisdictions between the two High Courts in this country (see para 18).

(6) Other matters that should be given consideration are the positions and capabilities of the parties to continue proceedings in a chosen place. In this matter, it was clear that the defendant is a solid stock broker firm and registered with the KLSE compared to the plaintiff who is an individual that is less capable than the defendant. From the facts also the defendant does not need so many witnesses so as to be a burden to it financially if the action was continued in the High Court at Kota Bharu. The court did not see any instance that favoured the defendant for the court to disturb the forum chosen by the plaintiff (see para 19).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pemindahan tindakan dari satu Mahkamah Tinggi ke Mahkamah Tinggi yang lain, lihat 2(3) *Mallal's Digest* (4th Ed, 2001 Reissue) perenggan 6384–6386.
Untuk pemindahan prosiding, lihat 1 *Halsbury's Laws of Malaysia*, perenggan [10.1–063].

Kes-kes yang dirujuk

American Express Bank Ltd v Mohamed Toufic Al-Ozier & Anor [1995] 1MLJ 160 (dirujuk)
Cita Marine Sdn Bhd v Progressive Insurance Bhd Ors [2001] 1 CLJ 81 (dirujuk)
Dato' Ho Seng Chuan v Rabobank Asia Ltd [2002] 4 CLJ 475 (dibeza)
Dayasar Corp Sdn Bhd v CP Ng & Co Sdn Bhd [1990] 1 MLJ 191 (dirujuk)
Lian Mong Yee v Abdul Rashid bin Maidin & Ors [2001] 4 MLJ 38 (dirujuk)
Malacca Securities Sdn Bhd v Loke Yu [1999] 6 MLJ 112 (dirujuk)
Sim v F Robinow (1892) 19 R (Ct of Sess) 665 (dirujuk)
Sova Sdn Bhd v Kasih Sayang Realty Sdn Bhd [1988] 2 MLJ 268 (dirujuk)
Spiliada Maritime Corp v Consulex Ltd (The Spiliada) [1986] 3 All ER 843 (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Mahkamah Kehakiman 1964 s 23, (1), (a), (b), (c), perenggan 12, Jadual
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 92 kk 3A, 4

Zainal Abidin (Zainal & Mariani) bagi pihak plaintif.
S Ramesh (Kassim Tadin, Wai & Co) bagi pihak defendan.

3 - 2004_6 pt_2.fm Page 71 Monday, August 9, 2004 3:13 PM

Sulaiman Daud H:

[1] Ini adalah permohonan defendan untuk suatu perintah bahawa keseluruhan presiding dalam guaman ini dipindahkan dari Mahkamah Tinggi Malaya di Kota Bharu ke Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur. Permohonan ini dibuat di bawah perenggan 12 Jadual kepada Akta Mahkamah Kehakiman 1964 ('Akta itu'), dan A 92 k 4 Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 ('KMT').

Later belakang

[2] Latar belakang yang relevan dengan permohonan ini sebagaimana yang terkandung dalam pliding dan afidavit pihak-pihak adalah seperti berikut. Pada masa material defendan adalah suatu syarikat broker saham dan stok yang berdaftar dengan syarikat Bursa Saham Kuala Lumpur ('BSKL') dan mempunyai alamat perniagaan di Kuala Lumpur. Melalui suatu perjanjian yang ditandatangani oleh kedua-dua pihak, defendan telah bersetuju untuk memberikan kepada plaintif suatu 'margin trading facility' ('kemudahan') mengikut terma dan syarat yang ditetapkan di bawahnya. Mengikut perjanjian tersebut plaintif telah diberikan kemudahan hingga ke takat RM500,000 untuk kegunaannya bagi membiayai pembelian saham yang tersenarai di BSKL oleh dealer yang dinyatakan di bawah perjanjian itu.

[3] Dalam pernyataan tuntutannya plaintif menegaskan bahawa bermula dari September 1994 hingga Ogos 1997, plaintif telah membuat urusan jual beli saham dengan defendan dengan menggunakan kemudahan tersebut. Hasil daripada transaksi itu telah dimasukkan ke dalam akaun plaintif No. SA 504 yang diuruskan oleh defendan di syarikat tersebut ('akaun margin'). Mengikut plaintif setakat 31 Ogos 1997 akaun margin tersebut mempunyai baki wang sebanyak RM797,683.15 tetapi defendan hanya membayar ballk sebanyak RM295,000. Menerusi guaman ini plaintif telah menuntut terhadap defendan, antara lain, baki jumlah wang yang dikatakan masih ada dalam akaun margin tersebut serta ganti rugi khas atas kehilangan peluang perniagaan.

[4] Dalam pernyataan pembelaannya defendan tidak menafikan kemudahan yang diberikannya kepada plaintif di bawah perjanjian berkenaan. Defendan juga mengakui menyenggara akaun margin tersebut tetapi bagaimanapun menfailkan jumlah yang dikatakan masih ada dalam akaun margin tersebut sebagaimana yang dituntut.

[5] Bagi maksud permohonan ini defendan telah memfailkan suatu afidavit sokongan (kandungan 12) dan afidavit balasan (kandungan 17). Plaintif telah memfailkan afidavit balasan yang diikrarkannya pada 13 April 2003. Di antara alasan yang dideposkan oleh defendan dalam afidavitnya bagi menyokong permohonan ini bolehlah dirumuskan seperti berikut, iaitu pertamanya bahawa kausa tindakan itu berlaku di Kuala Lumpur memandangkan perjanjian berkenaan ditandatangani di Kuala Lumpur dan kemungkiran yang dikatakan itu juga berlaku di situ. Keduanya fakta yang berkenaan dengan prosiding ini diasaskan berlaku di Kuala Lumpur. Ketiganya defendan hanya mempunyai tempat perniagaan di Kuala Lumpur. Atas alasan-alasan tersebut plaintif menegaskan bahawa Mahkamah Tinggi Malaya di Kuala Lumpur adalah forum yang paling sesuai bagi penerusan pendengaran tindakan ini.

3 - 2004_6 pt_2.fm Page 72 Monday, August 9, 2004 3:13 PM

Bidangkuasa memindahkan kes

[6] Encik Zainal Abidin, peguam terpelajar plaintif, dalam penghujahan bertulisnya telah membangkitkan isu sama ada mahkamah ini mempunyai bidangkuasa untuk membuat perintah yang dipohon oleh defendan. Menurut peguam terpelajar itu walaupun perenggan 12 Jadual kepada Akta memperuntukkan kuasa mahkamah untuk berbuat demikian tetapi beliau menghujahkan bahawa penjalanan kuasa tersebut adalah tertakluk kepada kaedah-kaedah yang ditetapkan oleh kaedah-kaedah mahkamah. Beliau selanjutnya menarik perhatian mahkamah kepada pemansuhan A 92 k 3A KMT yang dahulunya menetapkan kaedah bagi pemindahan itu. Dengan tiadanya apa-apa kaedah sedemikian beliau menghujahkan bahawa mahkamah ini tidak berupaya menjalankan kuasa yang diberikan itu.

[7] Bagi menyokong hujahnya peguam terpelajar itu merujuk kepada kes *Malacca Securities Sdn Bhd v Loke Yu* [1999] 6 MLJ 112, [1998] 3 CLJ 22 di mana telah diputuskan bahawa kuasa di bawah perenggan 12 Jadual kepada Akta tersebut tidak boleh dijalankan tanpa wujudnya kaedah-kaedah yang dinyatakan dalam proviso kepada perenggan tersebut. Saya menghormati keputusan kes tersebut tetapi bagaimanapun saya mempunyai pendapat yang berbeza. Pada pendapat saya proviso tersebut hanya memperkatakan bahawa kuasa-kuasa sedemikian hendaklah dijalankan mengikut prosedur yang boleh atau mungkin ditetapkan melalui kaedah mahkamah. Ini tidak bermakna penetapan kaedah sedemikian adalah suatu syarat duluan bagi perlaksanaannya. Saya dapati bahawa permohonan ini yang dibuat sebagai suatu permohonan interlokutori melalui saman dalam kamar di bawah peruntukan KMT adalah suatu pematuhan kepada kaedah mahkamah sebagaimana yang ditetapkan dalam proviso tersebut.

[8] Kuasa pemindahan sedemikian juga telah disentuh oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Lian Mong Yee v Abdul Rashid bin Maidin & Ors* [2001] 4 MLJ 38. Dalam kes tersebut satu daripada isu di hadapan mahkamah tersebut ialah sama ada hakim boleh membuat perintah supaya suatu prosiding di mahkamah lain dipindahkan ke mahkamahnya. Dalam menyampaikan keputusan mahkamah rayuan itu Gopal Sri Ram HMR memberi pandangan bahawa perenggan 12 Akta Mahkamah Kehakiman 1964 memberi kuasa kepada Mahkamah Tinggi untuk memindahkan sesuatu guaman yang ada di hadapannya kepada mahkamah lain tetapi tidak sebaliknya.

[9] Dengan yang demikian saya tidak dapat menerima hujah yang dikemukakan oleh peguam terpelajar plaintif dalam isu ini. Pada pendapat saya kaedah-kaedah yang sedang berkuatkuasa di bawah KMT, termasuk kuasa sedia ada mahkamah di bawah A 92 k 4, adalah memadai bagi mahkamah ini menjalankan kuasa di bawah perenggan 12 tersebut.

Bidangkuasa tempatan Mahkamah Tinggi, dsb

[10] Selanjutnya saya akan menimbangkan merit permohonan ini berdasarkan penghujahan peguam terpelajar kedua-dua belah pihak. Menurut En Ramesh Sanghvi walaupun Mahkamah Tinggi di Kota Bharu mempunyai bidangkuasa ke atas tindakan ini tetapi beliau menghujahkan bidangkuasa tersebut adalah

3 - 2004_6 pt_2.fm Page 73 Monday, August 9, 2004 3:13 PM

tertakluk kepada kehendak di bawah s 23(1)(a), (b) dan (c) Akta itu. Beliau menarik perhatian mahkamah bahawa kausa tindakan ini berbangkit daripada transaksi dan urusniaga yang dijalankan di Kuala Lumpur. Tambah beliau defendan mempunyai tempat perniagaan di Kuala Lumpur dan fakta yang menjadi asas prosiding ini juga berlaku di Kuala Lumpur.

[11] Berdasarkan kepada hujahnya yang tersebut di atas peguam terpelajar tersebut membuat kesimpulan bahawa Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur adalah mahkamah yang mempunyai bidangkuasa menurut s 23 tersebut. Bagi maksud itu beliau telah merujuk kepada dua keputusan Mahkamah Tinggi dalam kes *Malacca Securities Sdn Bhd v Loke Yu* dan *Dato' Ho Seng Chuan v Rabobank Asia Ltd* [2002] 4 CLJ 475. Pada pendapat saya kes *Dato' Ho Seng Chuan v Rabobank Asia Ltd* tidak berkait langsung dengan isu di hadapan mahkamah ini kerana ternyata pada saya bahawa kes tersebut menyentuh bidangkuasa mahkamah dua negara yang berlainan, dan kes *Malacca Securities Sdn Bhd v Loke Yu* pula tidak dapat memberi apa-apa bantuan kepada kes defendan.

[12] Saya dapati peguam terpelajar defendan telah terkeliru dengan tujuan dan maksud s 23 tersebut. Adalah jelas pada saya bahawa s 23 tersebut bertujuan menetapkan bidangkuasa wilayah di antara dua Mahkamah Tinggi yang wujud di negara ini, iaitu Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dan Mahkamah Tinggi Malaya (lihat kes *Sova Sdn Bhd v Kasih Sayang Realty Sdn Bhd* [1988] 2 MLJ 268). Oleh itu alasan-alasan bagi penentuan bidangkuasa di bawah seksyen tersebut tidak relevan dalam menentukan Mahkamah Tinggi Malaya di tempat mana yang lebih sesuai mendengar sesuatu tindakan tersebut.

Forum conveniens

[13] Selanjutnya saya akan menyentuh berkenaan dengan soal 'forum conveniens' yang dibangkitkan oleh peguam terpelajar defendan. Beliau menghujahkan bahawa jikapun Mahkamah Tinggi di Kota Bharu ada bidangkuasa untuk mendengar tindakan ini persoalan seterusnya untuk dipertimbangkan adalah sama ada Mahkamah Tinggi di Kota Bharu atau Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur merupakan forum yang sesuai bagi pendengaran kes ini. Bagi maksud itu mahkamah ini telah dirujukkan kepada dua keputusan Mahkamah Tinggi yang menyentuh mengenai isu ini, iaitu kes *Sova Sdn Bhd v Kasih Sayang Realty Sdn Bhd* dan *Dayasar Corp Sdn Bhd v CP Ng & Co Sdn Bhd* [1990] 1 MLJ 191.

[14] Kes *Sova Sdn Bhd v Kasih Sayang Realty Sdn Bhd* melibatkan penentuan kesesuaian di antara dua Mahkamah Tinggi di Malaya untuk mendengar tindakan plaintif. Dalam kes tersebut telah diputuskan bahawa walaupun kausa tindakan itu berlaku di Pulau Pinang tetapi ia sepatutnya didengar oleh Mahkamah Tinggi di Kuala Lumpur kerana kedua-dua pihak mempunyai tempat perniagaan di Kuala Lumpur. Bagaimanapun isu dalam kes *Dayasar Corp Sdn Bhd v CP Ng & Co Sdn Bhd* agak berbeza kerana ia melibatkan penentuan kesesuaian di antara dua Mahkamah Tinggi yang berlainan bidangkuasa, iaitu Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak dan Mahkamah

3 - 2004_6 pt_2.fm Page 74 Monday, August 9, 2004 3:13 PM

Tinggi Malaya. Dalam kes ini hakim yang arif ini juga telah mengambil kira dari aspek keselesaan (convenience) apabila memutuskan kes tersebut patut didengar oleh Mahkamah Tinggi Sabah dan Sarawak.

[15] Setelah meneliti keputusan kedua-dua kes ini saya masih ragu-ragu sama ada 'proper or convenient forum' atau 'the point of convenience' yang dinyatakan dalam kedua-dua kes itu masing-masing merujuk kepada doktrin 'forum *non conveniens*' yang diasakan dalam kes *Spiliada Maritime Corp v Consulex Ltd (The Spiliada)* [1986] 3 All ER 843 yang telah dirujuk dan diterima-pakai oleh Mahkamah Agong dalam *American Express Bank Ltd v Mohamed Toufic Al-Ozier & Anor* [1995] 1 MLJ 160. Dalam kes yang kemudian disebut itu Peh Swee Chin HMA (beliau pada masa itu) berkata, di ms 281:

> ' "The main judgment in the *Spiliada* was delivered by Lord Goff, who adopted the dictum of Lord Kinnear in *Sim v F Robinow* (1892) 19 R (Ct of Sess) 665, at p 668 as being the fundamental principle in regard to this doctrine ie, that there is some other tribunal, having competent jurisdiction, in which the case may be tried more suitably for the interests of all parties and for the ends of justice". Lord Goff cautioned that the word "*conveniens*" in *forum non conveniens* means suitability or appropriateness of the relevant jurisdiction and not one of convenience. We are in entire agreement with the fundamental principle so expressed'.

[16] Memandangkan bahawa kedua-dua kes *Sova Sdn Bhd v Kasih Sayang Realty Sdn Bhd* dan *Dayasar Corp Sdn Bhd v CP Ng & Co Sdn Bhd* menggunakan unsur 'convenience' dalam menentukan mahkamah yang sesuai, maka pada hemat saya ternyata bahawa ia bercanggah dengan prinsip *forum non conveniens* yang disebut dan dirujuk dalam kes *American Express Bank Ltd.*

[17] Berkenaan dengan hak plaintif untuk memilih forum yang sesuai bagi memulakan tindakannya, dalam kes *Cita Marine Sdn Bhd v Progressive Insurance Bhd & Ors* [2001] 1 CLJ 81, saya telah merujuk kepada komen yang dibuat oleh Lord Goff dalam kes *Spiliada,* di mana hakim yang arif tersebut, di ms 855, berkata:

> … Such indeed appears to be the law in the United States, where 'the court hesitates to disturb the plaintiff's choice of forum and will not do so unless the balance of factors is strongly in favour of the defendant, (see Scoles and Hay *Conflict of Laws* (1982) p 366, and cases there cited); and also in Canada, where it has been stated that 'unless the balance is strongly in favour of the defendant, the plaintiff's choice of forum should rarely be disturbed' (see Castel *Conflict of Laws* (3rd Ed 1974) p 282. This is strong language. However the United States and Canada are both federal states; and, where the choice is between two competing jurisdictions within the federal states, it is readily understandable that strong preference should be given to the forum chosen by the plaintiff on which jurisdiction has been conferred by the constitution of the country which includes both alternative jurisdictions.

[18] Dalam petikan tersebut di atas adalah diperhatikan bahawa pandangan tersebut juga meliputi dua mahkamah yang mempunyai bidangkuasa yang serupa. Oleh itu dalam kes sekarang ini saya berpendapat plaintif sepatutnya dibenarkan memilih forum yang sesuai baginya untuk memulakan tindakan ini. Fakta bahawa kausa tindakan ini terbit di Kuala Lumpur atau defendan mempunyai tempat perniagaan di Kuala Lumpur tidak sepatutnya dijadikan ukuran utama bagi menentukan mahkamah mana yang lebih sesuai bagi

3 - 2004_6 pt_2.fm Page 75 Monday, August 9, 2004 3:13 PM

mendengar kes ini. Walaupun faktor-faktor sedemikian dijadikan asas di bawah s 23(1) Akta Mahkamah Kehakiman tetapi sebagaimana yang dinyatakan terdahulu ia hanya relevan dalam menentukan bidangkuasa yang berbeza di antara dua Mahkamah Tinggi yang wujud di negara ini.

[19] Pada pendapat saya perkara-perkara lain yang sepatutnya diberi pertimbangan adalah kedudukan dan keupayaan pihak-pihak untuk meneruskan sesuatu prosiding di tempat yang telah dipilih. Dalam hal ini ternyata bahawa defendan adalah suatu firma broker saham yang teguh dan berdaftar di BSKL berbanding dengan plaintif yang merupakan orang perseorangan yang semestinya kurang berkemampuan dibandingkan dengan defendan. Saya percaya daripada fakta kes ini defendan juga tidak memerlukan saksi yang ramai hingga boleh membebankannya dari segi kewangan jika tindakan ini diteruskan di Mahkamah Tinggi Kota Bharu. Dengan yang demikian saya tidak nampak wujudnya hal keadaan yang begitu memihak kepada defendan bagi mahkamah ini menggangu forum yang telah dipilih oleh plaintif.

[20] Atas alasan-alasan yang tersebut di atas permohonan defendan adalah ditolak dengan kos.

Permohonan defendan ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Chew Phye Ken